

20 MAR 1997

MAHATHIR, CHISSANO ADAKAN PERBINCANGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano mengadakan perbincangan dua hala di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Ini diikuti dengan mesyuarat delegasi di antara kedua-dua pihak.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dijangka memberikan taklimat kepada pemberita mengenai perbincangan itu selepas mesyuarat berkenaan.

Chissano, yang tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi empat hari ke Malaysia, diberikan sambutan rasmi di Dataran Parlimen pagi ini.

Beliau dijadualkan menghadiri jamuan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia tengah hari ini. -- BERNAMA

ES RON